

# Prinsip Kelakuan



Givaudan

engage your senses



# Kandungan

## Urus niaga perniagaan yang sah dan beretika

Mematuhi undang-undang dan dasar Givaudan.....	6
Rasuah dan sogokan .....	6
Hadiah dan hiburan .....	6
Undang-undang persaingan .....	7
Urus niaga orang dalam .....	7
Konflik kepentingan .....	7
Kelakuan beretika .....	7

## Warganegara korporat yang bertanggungjawab

Hak asasi manusia .....	8
Mengekalkan alam sekitar .....	8
Kepelbagaian dan layanan adil .....	8
Standard pekerjaan adil dan persekitaran kerja yang selamat .....	9
Buruh kanak-kanak .....	9

## Melindungi aset Givaudan

Penipuan terhadap Givaudan .....	10
Komunikasi terbuka .....	10
Perlindungan maklumat sulit, rahsia perdagangan dan harta intelektual .....	11
Tingkah laku dalam penyelidikan, pembangunan, aplikasi dan penciptaan .....	11

## Cara kami menghidupkan Prinsip kami

Kami semua bertanggungjawab untuk mematuhi Prinsip kami .....	12
Pelaporan pelanggaran .....	12
Kami berusaha untuk menjalankan perniagaan dengan rakan perniagaan yang mematuhi standard etika yang tinggi .....	12

## Hubungi



## Nilai-nilai yang kami percayai

Setiap hari, Givaudan memberi impak kepada kehidupan jutaan orang di seluruh dunia melalui penciptaan perasa dan wangian yang tidak dapat dilupakan. Bersama dengan pelanggan kami, kami berjaya dalam misi kami untuk membina momen indah untuk pengguna. Kami dapat mencapai ini kerana kami menghidupkan budaya berinspirasi, mencabar dan bertindak dengan sepenuh hati dan jiwa.

Nilai-nilai budaya ini menerangkan standard kami dan membimbing kami dalam cara kami bertindak. Kami komited untuk mematuhi standard etika yang tinggi dalam cara kami berinteraksi dengan semua pihak berkepentingan kami – pelanggan, pembekal, pemegang saham, pekerja, pesaing, agensi kerajaan dan komuniti di mana kami beroperasi. Dengan sifat yang terbuka, telus dan jujur dalam urus niaga kami dengan pihak berkepentingan ini, kami dapat mencapai perkembangan secara bertanggungjawab dan berkongsi kejayaan kami.

Komitmen etika kami dinyatakan dalam Prinsip Kelakuan Givaudan. Ia merupakan sebahagian daripada kerja harian kami untuk menetapkan teladan dan mematuhi Prinsip ini.

Dokumen ini juga memberikan panduan yang berguna kepada kami kepada senario yang paling biasa kami hadapi. Ia merupakan titik semak apabila memikirkan tentang tindakan, pilihan dan keputusan kami. Ia akan membantu kami untuk membina budaya dan reputasi yang baik untuk Syarikat kami.

Dengan bertindak mengikut Prinsip ini, kami akan membantu mengekalkan nama dan reputasi baik Givaudan, yang telah kami bina dengan rakan kongsi kami dalam sejarah yang panjang dan kaya.

**Calvin Grieder**

Pengerusi Lembaga Pengarah

**Gilles Andrier**

Ketua Pegawai Eksekutif

# Prinsip Kami

Prinsip Kelakuan Givaudan dikenakan kepada semua pekerja Kumpulan Givaudan. Komitmen etika dalam Prinsip ini adalah batu asas bagi budaya Syarikat kami.

Kami sentiasa mematuhi Prinsip dalam amalan dan sesetiap n kami. Pekerja yang melanggar atau tidak menghormati semangat Prinsip ini tertakluk kepada tindakan disiplin termasuk dibuang kerja.



# Urus niaga perniagaan yang sah dan beretika

## Mematuhi undang-undang dan dasar Givaudan

Givaudan adalah warganegara korporat yang bertanggungjawab. Semua pekerja memainkan peranan yang penting dalamnya.

Ia adalah kritikal untuk kami mematuhi semua undang-undang terpakai kepada perniagaan kami di negara di mana kami beroperasi. Kami juga mematuhi standard etika tinggi yang dinyatakan dalam Prinsip ini serta semua dasar Givaudan lain yang dikenakan kepada kami, kerja atau tugas kami – walaupun jika dasar seperti itu melebihi kehendak minimum undang-undang di negara di mana kami bekerja.

## Rasuah dan sogokan

Kami mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah dan sogokan, dan kami tidak membuat pembayaran pemudahan.

Kami tidak menawarkan, sama ada secara langsung atau tidak melalui pihak ketiga, sebarang pembayaran yang menyalahi undang-undang, rasuah atau sebarang kelebihan lain kepada mana-mana pegawai kerajaan, parti politik atau entiti yang dikawal oleh kerajaan, dan juga kepada sesiapa yang bekerja untuk entiti sektor swasta, untuk tujuan memperoleh, mengekalkan atau mengarahkan perniagaan atau perkhidmatan lain, secara tidak wajar, seperti yang dinyatakan dalam Dasar Anti Rasuah, Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Global Givaudan.

## Hadiah dan hiburan

Kami percaya bahawa perniagaan perlu dicari dan diperolehi berdasarkan kualiti, perkhidmatan, harga dan kesesuaian, dan bukannya atas sebarang sebab yang tidak betul.

Kami tidak meminta atau menerima hadiah, hiburan atau hospitaliti daripada pihak ketiga berhubung dengan perniagaan kami, kecuali di mana kami adalah dibenarkan untuk memberik atau menerima hadiah bukan kewangan yang nilainya tidak penting dan menerima serta menawarkan hiburan dan hospitaliti yang munasabah dalam had yang ditentukan dalam Dasar Anti Rasuah, Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Global Givaudan.

## Undang-undang persaingan

Kami percaya dalam sistem pasaran yang adil, kompetitif dan sihat di mana kami boleh bersaing dengan kuat tetapi secara adil.

Kami menjalankan semua usaha dalam pasaran mengikut undang-undang antitrust, persaingan dan amalan perdagangan.

Jika terdapat sebarang soalan atau keraguan tentang pematuhan undang-undang persaingan, atau jika kami perlu berinteraksi dengan pesaing kami di pameran perdagangan atau acara yang serupa, kami rujuk kepada Memento tentang Undang-undang Persaingan dan hubungi jabatan Perundangan Kumpulan untuk nasihat dan panduan.

## Urus niaga orang dalam

Kami percaya dalam "medan bermain bertahap" sebagai asas bagi kefungasian pasaran modal, termasuk ketelusan pasaran kewangan serta layanan yang adil dan sama rata bagi pelabur.

Kami tidak mengambil kesempatan yang tidak adil daripada sebarang maklumat bukan umum yang boleh memberikan impak kepada harga saham Givaudan untuk menjalankan transaksi pada mana-mana sekuriti Givaudan atau menggalakkan orang lain untuk menjalankan transaksi seperti itu.

Kami mematuhi peraturan Dasar Urus Niaga Orang Dalam Givaudan dengan ketat.

## Konflik Kepentingan

Kami mengelak situasi di mana kepentingan peribadi boleh konflik atau nampaknya konflik dengan kepentingan Givaudan.

Kami mengelak sebarang kepentingan luar yang menjejaskan masa dan perhatian secara ketara yang perlu ditumpukan kepada Givaudan, serta sebarang kepentingan atau perhubungan dengan pihak ketiga yang boleh mengakibatkan dalam mempengaruhi keputusan perniagaan atau pertimbangan secara tidak wajar atau mengakibatkan kelebihan peribadi kepada diri kami atau ahli keluarga kami.

Jika kami rasa yang kami mungkin mempunyai konflik kepentingan yang berpotensi tetapi tidak dapat dielakkan, kami dedahkannya kepada pengurus kami dengan pandangan untuk menyingkirkan konflik kepentingan tersebut. Jika kami perlukan panduan lanjut tentang menguruskan konflik kepentingan, kami juga boleh rujuk kepada Dasar Konflik Kepentingan Givaudan.

## Kelakuan etika

Givaudan komited dan sentiasa mematuhi standard etika yang tertinggi dalam menjalankan perniagaan.

Dalam semua aktiviti perniagaan kami setiap hari, kami mematuhi undang-undang dan peraturan luar serta dasar, amalan dan prosedur kami. Kami menggalakkan budaya di mana kami boleh membincang dan melaporkan isu tentang etika dan undang-undang secara bebas.

# Warganegara korporat yang bertanggungjawab

## Hak asasi manusia

Kami komited untuk menghormati Hak Asasi Manusia di mana-mana kami menjalankan perniagaan dan memberikan keadaan kerja yang selamat dan sihat kepada pekerja, kontraktor dan pelawat kami.

Kami berusaha untuk memberi impak positif kepada komuniti di mana kami berada.

## Menjaga alam sekitar

Kami mengakui bahawa kami mempunyai kewajipan yang penting untuk menyumbang bagi menjaga alam sekitar dan kepelbagaian planet untuk generasi yang akan datang.

Kami berusaha untuk menjalankan semua aktiviti Givaudan dalam cara yang mengekalkan dan menggalakkan persekitaran yang selamat dan bersih, dengan mengambil kira penggunaan tenaga dan bahan dengan cekap, pengurangan impak buruk alam sekitar dan penjanaan sisa, dan pelupusan sisa dengan selamat dan bertanggungjawab.

Dasar Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan Givaudan menekankan komitmen kami untuk mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar yang terpakai kepada perniagaan kami dalam negara di mana kami beroperasi.

## Kepelbagaian dan layanan yang adil

Kami berkembang maju kerana kepelbagaian dan kami komited untuk mengekalkan persekitaran kerja yang merangkumi semua di mana perbezaan individu di kalangan pekerja dihormati.

Kami menggalakkan dan menyokong tenaga kerja wakil yang menunjukkan pelbagai komuniti di mana kami beroperasi.

Kami merekrut, manggaji dan menaikpangkat pekerja semata-mata berdasarkan pada kelayakan dan kebolehan yang diperlukan untuk kerja yang perlu dilakukan, tanpa mengira bangsa, umur, jantina, negara asal, agama atau mana-mana kategori lain yang tidak relevan kepada prestasi.

Kami komited untuk memberi dan menyumbang kepada persekitaran kerja yang berdasarkan kepada saling hormat di kalangan pekerja dan bebas daripada gangguan berdasarkan kepada kategori seperti bangsa, umur, jantina, negara asal dan agama.



## Standard pekerjaan yang adil dan persekitaran kerja yang selamat

Kami percaya dalam standard pekerjaan yang adil untuk memastikan kami menjalankan perniagaan kami dengan selamat dan sihat, menggalakkan persekitaran kerja untuk semua pekerja Givaudan di mana kamisemua boleh hidup dengan nilai-nilai dan budaya Givaudan.

Kami menyumbang untuk memberikan persekitaran yang selamat, sihat dan penuh hormat yang bebas daripada layanan yang buruk atau tidak berperikemanusiaan dan keadaan yang tidak selamat.

Kami bertanggungjawab untuk menjalankan kerja kami dalam cara yang selamat dan mematuhi semua program, dasar, prosedur dan undang-undang kesihatan dan keselamatan.

Kami menghormati setiap hak pekerja untuk memilih pekerjaan mereka dan kebebasan bersekutuserata hak untuk tawar-menawar kolektif.

Kami membayar semua gaji, tidak meminta masa bekerja yang berlebihan daripada pekerja kami dan mematuhi semua undang-undang gaji dan masa bekerja yang terpakai.

## Buruh kanak-kanak

Kami tidak mengamalkan atau bertoleransi dengan sebarang bentuk eksploitasi kanak-kanak atau buruh paksa.

Kami tidak memberi pekerjaan kepada kanak-kanak sebelum mereka melengkapkan pendidikan wajib mereka dan dalam apa jua keadaan sebelum mereka berumur 15 tahun.

Kami tidak terlibat dengan pembekal yang menggaji kanak-kanak atau mengamalkan buruh paksa.

# Melindungi aset Givaudan

## Penipuan terhadap Givaudan

Kami mengiktiraf bahawa, sebagai pekerja, kami diamanahkan dengan aset Givaudan dengan suatu tujuan untuk menjalankan kerja kami.

Kami melindungi aset Givaudan dan tidak menggunakannya untuk sebarang tujuan yang tidak dibenarkan. Ini dikenakan kepada aset fizikal seperti wang, mesin dan peralatan IT serta aset tak ketara seperti formula, idea, data dan maklumat.

## Komunikasi terbuka

Kami berbangga dengan budaya kerjasama kami dan percaya dengan mengadakan komunikasi terbuka dan telus.

Kami berusaha untuk berkomunikasi secara jujur dan terbuka di antara satu sama lain, dan melindungi maklumat sulit dan rahsia perdagangan.

Kami menyebarkan maklumat penting tentang Syarikat kepada pihak berkepentingan luar kami dengan tepat pada masanya dan seluas serta pada masa yang sama yang mungkin. Kami mematuhi setiap masa Peraturan Penyenaraian Swiss dan standard terpakai lain.

## Perlindungan maklumat sulit, rahsia perdagangan dan harta intelektual

Perniagaan Givaudan adalah berdasarkan kepada maklumat dan harta intelektual yang kami cipta, iaitu salah satu daripada aset Syarikat yang paling berharga.

Kami mengakui bahawa kami semua mempunyai kewajipan untuk menyimpan maklumat seperti itu dan harta intelektual dengan selamat dan sulit.

Kami menjaga untuk mengelakkan pendedahan maklumat sulit atau rahsia perdagangan sama ada secara tidak sengaja atau penyalahgunaan yang sengaja, dan kami memastikan bahawa semua peranti storan maklumat sentiasa dikekalkan dengan selamat.

Kami tidak mendedahkan sebarang maklumat sulit atau rahsia perdagangan semasa pekerjaan kami dengan Givaudan kepada mana-mana pihak ketiga, melainkan kami diminta untuk melakukannya oleh undang-undang atau telah mendapat kelulusan Givaudan untuk melakukan demikian.

Kami mengamalkan dan memahami bahawa pendedahan maklumat sulit kepada pihak ketiga hanya boleh berlaku selepas pihak ketiga tersebut menandatangani perjanjian kerahsiaan yang sesuai dengan Givaudan.

Kami hanya mendedahkan maklumat sulit dan rahsia perdagangan di dalam Givaudan kepada rakan sekerja kami yang mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk mengetahuinya.

Kami melindungi harta intelektual Givaudan dan harta intelektual yang telah diamanahkan kepada kami secara sulit oleh rakan perniagaan kami.

## Tingkah laku dalam penyelidikan, pembangunan, aplikasi dan penciptaan

Kami percaya dalam persekitaran terbuka yang kondusif untuk inovasi dalam penyelidikan, pembangunan, aplikasi dan penciptaan yang bebas daripada sebarang kelakuan yang tidak beretika atau salah laku lain.

Kami mengamalkan kejujuran ilmiah dalam semua aktiviti penyelidikan kami dan ketika mendedahkan keputusan.

Kami tidak menggunakan sebarang bahan yang dilarang oleh perundangan atau garis panduan industri yang terpakai dalam produk kami.

# Cara kami menghidupkan Prinsip kami

## **Kami semua bertanggungjawab untuk mematuhi Prinsip kami**

Prinsip ini tidak dapat menjangka setiap situasi yang mungkin kami hadapi. Jika sesiapa tidak pasti tentang cara yang betul untuk bertindak dalam sebarang keadaan, kami mendapatkan panduan daripada Pegawai Pematuhan tempatan, Pegawai Pematuhan Korporat atau ahli Jabatan Perundangan kami.

Givaudan telah melaksanakan dasar dan prosedur mandatori yang dikenakan secara global dan dalam sesetengah kes, terdapat dasar dan prosedur tempatan yang juga terpakai. Dasar ini boleh didapati pada laman intranet kami. Setiap pekerja diminta untuk mematuhi dasar dan prosedur ini.

## **Pelaporan pelanggaran**

Jika pekerja menyedari atau mengesyaki tentang sebarang salah laku yang mungkin melanggar Prinsip ini, kami melaporkannya kepada Pegawai Pematuhan tempatan, Pegawai Pematuhan Korporat atau Jabatan Perundangan. Kami tidak bertoleransi terhadap tindakan balas bagi sesiapa yang melaporkan dengan niat yang baik, sebarang pelanggaran Prinsip ini yang sebenar atau disyaki.

Jika pekerja berasa ragu untuk bersuara dengan Pegawai Pematuhan kami atau Jabatan Perundangan, mereka digalakkan untuk menggunakan Talian bantuan Pematuhan Givaudan untuk melaporkan sebarang kebimbangan mereka. Talian bantuan Givaudan adalah sulit, beroperasi dalam setiap bahasa Syarikat.

## **Kami berusaha untuk menjalankan perniagaan dengan rakan perniagaan yang mematuhi standard etika yang tinggi**

Kami berharap untuk semua rakan perniagaan kami mematuhi standard etika dan pematuhan tinggi yang sama seperti kami. Kami ingin berkerjasama dengan rakan perniagaan yang berkongsi standard etika kami dan kami telah melancarkan proses untuk membantu mencapai matlamat ini, termasuk pengurusan vendor dan program audit.





# Hubungi

## Jabatan Pematuhan Korporat Givaudan

### **Dr Annette Schüller**

Pegawai Pematuhan Korporat

**T** +41 22 780 9202

## Jabatan Perundangan Kumpulan Givaudan

### **Roberto Garavagno**

Peguam Kumpulan

**T** +41 22 780 9464

# Givaudan SA

Chemin de la Parfumerie 5  
1214 Vernier, Switzerland

## **Maklumat umum**

**T** + 41 22 780 9111

**F** + 41 22 780 9150

'Prinsip Kelakuan' Givaudan SA diterbitkan dalam bahasa Inggeris serta semua bahasa syarikat utama.

© Givaudan SA, Mac 2018

